



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 11 MAC 2024 (ISNIN)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	116 KAKITANGAN MBSJ TERIMA ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG, HARGAI SUMBANGAN, DEDIKASI - MBSJ KUTIP HASIL RM322.67 JUTA TAHUN LALU, TEKAD TINGKAT KUALITI PERKHIDMATAN
2.	SELANGOR TV	PRESTASI CEMERLANG, 116 PEKERJA TERIMA ANUGERAH

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MPAJ DBKL	- PETTY TRADERS TO PAY RM48 LICENCE FEE - RAMADAN DONATION - AMPANG JAYA STRATA SCHEMES JOIN WASTE SEPARATION AT SOURCE PROJECT - DBKL URGED TO DISCLOSE DEVELOPMENT APPLICATIONS
2.	BERITA HARIAN	DBKL	PENJAJA SEWA TAPAK KEPADA PIHAK KETIGA DIBERI AMARAN

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	FASTING MONTH TO BEGIN TOMORROW
2.	SINAR HARIAN	450 LOKASI JUALAN RAHMAH RAMADAN SELURUH NEGARA - MALAYSIA AMBIL MASA LEBIH LAMA TURUNKAN HARGA - HARGA DALAM NEGARA JUGA KENA TURUN
3.	KOSMO	MALAYSIA BERADA DI LANDASAN TEPAT
4.	HARIAN METRO	- ELAK PENGGUNA JADI MANGSA 'CEKIK DARAH' - LZS AGIHKAN RM31.9j BANTUAN RAMADAN, SYAWAL
5.	BERITA HARIAN	- PROGRAM JUALAN RAHMAH RAMADAN DI 450 LOKASI - PPR DAIF JEJAS KUALITI HIDUP PENGHUNI - TAHAP PRODUKTIVIT PEKERJA DI MALAYSIA MENINGKAT - MATA WANG TEMPATAN DIJANGKA RM4.42 SATU DOLAR AS AKHIR TAHUN
6.	UTUSAN MALAYSIA	- GAJI MINIMUM GRADUAN RM3,000 450 LOKASI ANJUR PROGRAM JUALAN RAHMAH RAMADAN - USAHA MALAYSIA LAWAN RASUAH MULA BERI HASIL POSITIF - INDEKS MALAYSIA NEGARA RAHMAH MEMBERANGSANGKAN - TIADA PILIHAN LAIN KECUALI KEMBALI KEPADA GST? - ORANG MELAYU PENYUMBANG TERBESAR EKONOMI? - MALAYSIA DI LANDASAN TEPAT TUJU NEGARA MAJU
7.	THE SUN	NATIONWIDE RAHMAH SALES FOR RAMADAN

PBT SELANGOR

116 kakitangan MBSJ terima anugerah khidmat cemerlang, hargai sumbangan, dedikasi

March 8, 2024 11:43 pm



Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim bersama penerima anugerah perkhidmatan cemerlang ketika majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBSJ 2023 di Hotel Summit USJ, Subang Jaya pada 8 Mac 2024. Foto FIKRI YUSOF/SELANGORKINI

SUBANG JAYA, 8 MAC: Seramai 116 kakitangan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi 2023 dalam majlis di Summit Hotel di sini, malam ini.

Datuk Bandarnya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata acara tahunan itu bertujuan mengiktiraf dan menghargai sumbangan serta dedikasi warganya dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai penjawat awam.

"Ini termasuklah dalam pelaksanaan tugas rasmi atau penglibatan aktif dalam kegiatan sukan, inovasi, sosial dan kemasyarakatan berdasarkan prestasi 2023.

"Diharap anugerah ini dijadikan pemangkin untuk terus berjaya dan menyuntik semangat meneruskan khidmat dengan lebih cemerlang, dedikasi dan penuh iltizam," katanya.

Berucap pada majlis APC MBSJ 2023 beliau berkata pada majlis itu MBSJ turut memberi empat pengiktirafan khas iaitu Anugerah Khas Datuk Bandar, Anugerah Khas Inovasi (AKI), Anugerah Khas Sukan (AKS) dan Anugerah Khas Kebudayaan (AKK).

"Ia bagi menghargai individu dan pasukan yang telah membawa kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Majlis malam ini turut meraikan 16 pesara MBSJ," katanya.

Setiap penerima APC membawa pulang wang tunai RM1,000 dan sijil penghargaan manakala pesara menerima saguhati bernilai RM1,000 daripada MBSJ dan RM500 daripada Kelab Sukan dan Kebajikan MBSJ.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 11 MAC 2024

PBT SELANGOR

MBSJ kutip hasil RM322.67 juta tahun lalu, tekad tingkat kualiti perkhidmatan

by Suhaila Shahrul Annuar 9 March 2024 8:40 am



Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim bersama kakitangan bersara ketika majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBSJ 2023 di Hotel Summit USJ, Subang Jaya pada 8 Mac 2024. Foto FIKRI YUSOF/ SELANGORKINI

SUBANG JAYA, 9 MAC: Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) memperoleh kutipan hasil sebanyak RM322.67 juta pada tahun lalu.

Datuk Bandarnya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata prestasi itu membuktikan ekonomi pihak berkuasa tempatan itu terus berkembang pesat dan mencatat pertumbuhan yang sangat memberangsangkan.

"Secara keseluruhannya MBSJ telah berjaya mengutip hasil keseluruhan sebanyak 102 peratus. Saya amat berterima kasih kepada semua pihak termasuk ahli majlis, ketua jabatan dan warga kerja MBSJ.

"Semua pihak bersama-sama mempergiatkan usaha dan bekerja dengan kreatif, inovatif, tegas, pantas dan berhemah agar perkhidmatan MBSJ dapat dirasai semua penduduk," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2023 di Summit Hotel di sini, malam tadi.



Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim berucap ketika majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBSJ 2023 di Hotel Summit USJ, Subang Jaya pada 8 Mac 2024. Foto FIKRI YUSOF/ SELANGORKINI

Mohd Fauzi berkata MBSJ turut berjaya merangkul 13 anugerah tempatan dan antarabangsa sepanjang tahun lalu antaranya anugerah emas bagi Anugerah International Convention on QC Cycles (ICQCC) Beijing 2023 dan Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023 kategori emas.

"Dengan pencapaian ini sudah pasti ia perlu seiring dengan perkhidmatan yang disampaikan kepada penduduk. Itu perkara paling asas yang harus kita pastikan.

"Ledakan teknologi maklumat masa kini menjadi cabaran buat semua kakitangan terutama dalam menyelesaikan aduan penduduk dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

"Kita perlu mendahului aduan. Cari isu dan penyelesaian (isu) sebelum aduan dibuat penduduk. Keluar dari pemikiran dan cara kerja yang lama supaya dapat sentiasa memenuhi tuntutan masyarakat," katanya.

Terdahulu Mohd Fauzi menyampaikan APC kepada 116 kakitangan MBSJ yang menerima APC bagi tahun 2023.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 11 MAC 2024

27 views 1 day ago #SelangorKini #SelangorTV #MediaSelangor
#MediaSelangor #SelangorTV #SelangorKini #Semasa #SemasaSTV

SUBSCRIBE kami di [YouTube](#) / @selangortvmy ...more

Prestasi MBSJ cemerlang, 116 pekerja terima anugerah



SELANGOR TV
TARIKH : 11 MAC 2024

Petty traders to pay RM48 licence fee

82 11/3 (MPAJ)

MPAJ expects to collect RM340,000 yearly now that exemption from paying annual sum lifted

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

THE Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) is expecting to collect RM340,000 in licence fees from petty traders this year now that the exemption from paying the annual sum has been lifted.

The exemption from paying fees was introduced by the Selangor government in 2016.

The lifting of the exemption is expected to affect 8,000 petty traders in the municipality.

MPAJ president Dr Ani Ahmad said the RM48 fee would apply to traders who had renewed their licence as well as

those who had yet to do so.

"This will involve stall owners as well as bazaar and night market traders, among others," she said after chairing the council's full board meeting.

Ani also estimated that targeted assessment tax exemptions for village properties would involve 3,745 out of 8,630 units in Ampang Jaya.

"MPAJ has issued the assessment bills to owners," she said.

"Applications for exemptions can be made until May 31."

The main conditions, for exemption, are that the property's built-up area is not more than 2,000sq ft, the applicant

must be a Malaysian citizen residing in Selangor and the monthly combined household income is less than RM5,000.

Property owners are allowed to apply for only one account or one house.

Assessment tax exemption for 42,951 low-cost houses would continue as per the state government's directive, Ani said.

The state's move to waive assessment fees for low-cost houses resulted in MPAJ sustaining an almost RM10mil loss from its annual revenue.

The exemption was introduced in 2016.

On another matter, Ani said



The annual MPAJ licence renewal fee will apply to stall owners and bazaar as well as night market traders.

that the council collected RM50,196 from temporary fire-works permits and temporary placement of traders in conjunction with the Chinese New Year festival.

Traders were allowed to set up stalls in 22 areas including Taman Bukit Indah, Taman Nirwana, Taman Mawar, Taman Seraya, Taman Muda and Taman Putra.

THE STAR

11 MAR 2024

Tarikh:

RAMADAN DONATION(m/kj)

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) is inviting the public to donate basic necessities for orphanages under its 'Program Kongsí Rezeki' until March 31. Donations can be made at MPAJ's Youth, Public and Landscaping Department. For details, call 011-7302 4108.

THE STAR

11 MAR 2024

Tarikh:.....

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

Star 11/3 (MPAJ)

Ampang Jaya strata schemes join waste separation at source project

A TOTAL of 23 strata schemes in Ampang Jaya, Selangor, are being roped in to take part in a waste separation at source project in an effort to reduce the rubbish sent to landfills.

The pilot project by Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) and Malaysian Recycling Alliance (Marea) also aims to encourage residents to embrace better recycling practices.

Marea, Malaysia's first voluntary industry-led Extended Producer Responsibility (EPR) association, was established to enhance the country's recycling value chain and circular economy by significantly increasing the collection and recovery of post-consumer packaging.

This Ampang Jaya High-Rise Collection Programme will engage joint management bodies and management committees of participating strata schemes.

MPAJ president Dr Ani Ahmad said this was a voluntary programme which would reduce waste management costs.

"In 2023, MPAJ, through KDEB Waste Management, collected 132,000 tonnes of waste which averaged to about 400 tonnes per day.

"Last year, we spent RM53mil on waste management," she said during the launch of the programme at Menara MPAJ in



Benetello (second from right) and Ani (centre) at the launch of the Ampang Jaya High-Rise Collection Programme. — WILLIAM GARY/The Star

Pandan Indah, Selangor.

Marea chief executive officer Roberto Benetello said the initiative in Ampang Jaya would provide doorstep recycling collection services and allow for direct engagement with residents, educating them in carrying out proper waste separation at source.

"Malaysia is facing a critical environmental challenge with

overflowing landfills and a national recycling rate of only 33% in 2022," he said.

"Recycling and separation at source is a collective responsibility.

"Collection initiatives like this help us understand recycling challenges at the grassroots.

"This will also help in reaching the national recycling rate target

of 40% by 2025."

He added that the initiative focused on increasing the quantity and quality of recyclables from households.

"Marea will finance and conduct regular collection of recyclables through dedicated vehicles and personnel, as well as partner with reputable Malaysian recyclers," said Benetello.

This is the second such programme by Marea, with the first carried out in Langkawi last year.

Bumi Waste Management (M) Sdn Bhd has been appointed as the collector for this initiative, employing a buy-back mechanism to compensate strata janitors for their efforts in sorting recyclables.

Meanwhile, GreenSteps Malaysia has been appointed to help empower community leaders in participating high-rise residences to create positive change in recycling behaviour among the grassroots.

Following the launch, there was a series of briefings and workshops for the representatives of participating strata properties.

THE STAR

Tarikh: 11 1 MAR 2024



(Front row, from left) Booi Charn, Zahir and Kok Wai at the launch of Kuala Lumpur Residents Action for Sustainable Development Association (KLRA+SD).

DBKL urged to disclose development applications

Residents want to give input before projects are approved, say KL MPs

Story and photo by FARID WAHAB
faridwahab@thestar.com.my

KUALA Lumpur MPs are calling on the authorities to disclose all applications for development orders (DOs) to allow stakeholders to provide their input and ensure transparency.

Wangsa Maju MP Zahir Hassan said the request was raised during a meeting between the MPs and Kuala Lumpur City Hall (DBKL) officials.

"It was raised at a previous meeting but DBKL said the matter was under review as certain laws need to be studied."

"We hope this request will be granted as MPs and residents will then get a chance to give input on upcoming development projects."

Zahir added that the move would also help ensure development plans in the capital proceed smoothly.

"Often, residents find out about a project only after a DO has been issued. This complicates matters for them, developers and buyers," he said, adding that DBKL would need to pay a hefty penalty if it retracted a DO.

Applications for DOs are reviewed and approved by a DBKL planning committee, which is chaired by the mayor.

Zahir said this after the launch of Kuala Lumpur Residents Action for Sustainable Development Association (KLRA+SD) at IWK@Eco Park in Pantai Dalam.

The association, which comprises residents' associations,

local non-profits and higher education institutions, is meant to be a platform for city folk to voice their concerns on development and infrastructure issues.

KLRA+SD committee member Jonson Chong welcomed the proposal to disclose DO applications as it would give residents a say.

He cited the proposed development in Bukit Dinding in Setiawangsa, which he said was approved without proper engagement with residents.

KLRA+SD chairman Tan Booi Charn said the current method of developers placing signboards at construction sites to inform residents was inadequate.

"Sometimes, these signboards are not visible so residents are caught off-guard when a new

development takes place.

"MPs also often get blamed for supposedly not speaking up about a project."

"The proposal will allow MPs to be proactive and improve communication with residents."

Non-profit Friends of Bukit Dinding chairman Adrihazim Abdul Rashid hopes the proposal will improve public participation on development issues.

"Residents are often unaware of the technical requirements involved such as the social and environmental impact studies."

Also at the launch were Cheras MP Tan Kok Wai and Federal Territory Solid Waste and Public Cleansing Management Corporation director Ummi Kalthum Shuib.

THE STAR

Tarikh: 11 MAR 2024

Pr 11/3

Fasting month to begin tomorrow

KUALA LUMPUR: Muslims in Malaysia will begin fasting in the holy month of Ramadan tomorrow, says the Keeper of the Rulers' Seal, Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad.

He added that the start date of fasting for states throughout Malaysia was set according to the order of His Majesty Sultan Ibrahim, King of Malaysia, after being con-

sented to by the Rulers.

The announcement was broadcast live on Radio Televisyen Malaysia (RTM) last night.

On March 3, the Office of the Keeper of the Rulers' Seal said in a statement that the sighting of the new moon to verify the commencement of the month of Ramadan for Muslims in Malaysia was to

take place yesterday.

A total of 29 locations nationwide were involved in the attempts to sight the new moon yesterday evening, including Pontian Kecil, Johor; Kompleks Falak Al-Khawarizmi; Kampung Balik Batu; Tanjung Bidara in Melaka; Kuala Lumpur Tower; and Putrajaya International Convention Centre.

THE STAR

Tarikh: ...1..1..MAR..2024

450 lokasi Jualan Rahmah Ramadan seluruh negara

Sinar 11/3

Bermula 1 Ramadan, tawar potongan harga 10 hingga 30 peratus

Oleh ASYIKIN ASMIN
PAPAR

Sebanyak 450 lokasi Program Jualan Rahmah (PJR) Ramadan akan dilaksanakan di seluruh negara sepanjang bulan Ramadan ini bagi memudahkan rakyat mendapatkan barangan makanan dan keperluan rumah yang lebih murah dengan potongan harga antara 10 hingga 30 peratus.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, kementerian mengambil inisiatif memperluaskan program baharu itu di bawah agenda Payung Rahmah Madani melalui pelaksanaan PJR tersebut bermula pada 1 Ramadan.

"Dalam PJR Ramadan ini, kita masih mengamalkan konsep barang yang ditawarkan pada kadar diskaun antara 10 hingga 30 peratus berbanding harga jualan asal.

Selain itu, pelaksanaan program ini turut menumpukan jualan barang basah keperluan untuk memasak dan juga ba-



Armizan (depan, kanan) melawat jualan PJR Madani di Padang Kawad Pasukan Gerakan Am (PGA) Kinarut, Papar pada Ahad.

rang yang diperlukan untuk bulan Ramadan dan seterusnya menghadapi hari raya seperti tepung, daging, ikan dan ayam," katanya selepas melancarkan PJR Madani di Padang Kawad Pasukan Gerakan Am (PGA) Kinarut, di sini pada Ahad.

Armizan yang juga Ahli Parlimen Papar berkata, bekalan produk tersebut melibatkan kerjasama daripada agensi kerajaan lain seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Kita berharap semua masyarakat

supaya melayari atau menyemak jadual 450 lokasi siri PJR Ramadan melalui pautan laman sesawang KPDN di <https://www.kpdn.gov.my/ms/jualan-rahmah> untuk mengetahui lokasi program ini.

"Sasaran kita juga dalam satu Parlimen sekurang-kurangnya dua siri PJR Ramadan dan di Sabah ada 25 Parlimen jadi ada 50 PJR Ramadan kita laksanakan," jelas beliau.

Tambahnya, Selain PJR Ramadan, KPDN juga akan melaksanakan program Bazar Ramadan dan inti pati pelaksanaannya akan diumumkan kemudian.

SINAR HARIAN

Tarikh:11 MAR 2024

Malaysia ambil masa lebih lama turunkan harga

Sinar 11/3

SHAH ALAM - Malaysia dijangka mengambil lebih masa untuk merasai kesan daripada penurunan harga makanan global termasuk beras dan gandum, meskipun berlaku penyusutan nilai komoditi itu di sejak tujuh bulan lalu.

Felo Perunding dan Pemegang Kursi Keterjaminan Makanan, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, Universiti



FATIMAH

Putra Malaysia, Profesor Datin Dr Fatimah Mohamed Arshad berkata, keadaan ini berlaku disebabkan ia bergantung kepada situasi pasaran global dan dalam negeri.

Menurutnya, menjadi kebiasaan kesan kenaikan lebih cepat dirasai pengguna berbanding penurunan yang akan mengambil masa lebih panjang.

"Fenomena ini (penurunan harga makanan dunia) menunjukkan pasaran mulai kembali normal selepas dilanda masalah tiga pandemik secara berlanjutan.

"Tiga pandemik itu ialah Covid-19, perang Rusia dan Ukraine serta perubahan iklim yang telah menyebabkan masalah kepada makanan dunia," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kesan yang diterima Malaysia susulan penurunan harga makanan global yang ditunjukkan ketika ini.

Ditanya syor atau cadangan kepada kerajaan dalam memastikan sekuriti makanan negara kekal berdaya tahan, Fatimah berkata, terdapat beberapa langkah yang boleh dilaksanakan.

Antara syor yang dikemukakan beliau ialah melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi serta mencontohi tindakan yang dibuat India yang melaksanakan transformasi pertanian.

"Tiada jalan mudah untuk Malaysia meningkatkan hasil pertanian, selain mempertimbangkan syor yang diberikan ini," katanya.

Menurutnya, sudah tiba masanya juga untuk negara bergerak ke arah dasar baharu bagi menjamin industri dan sekuriti negara.

SINAR HARIAN

Tarikh:1...1...MAR...2024.....

Harga dalam negara juga kena turun

Sinar 11/3

Persatuan pengguna bimbang trend penurunan lebih perlahan berbanding kenaikan harga

SHAH ALAM

Harga komoditi seperti beras dan gandum serta makanan di negara ini perlu lebih murah seiring dengan penurunan indeks harga makanan dunia.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah, Mohd Yusrizal Yusoff berkata, dalam banyak kes yang berlaku sebelum ini, penurunan harga sering kali perlahan, tidak sebagaimana apabila berlakunya kenaikan harga di pasaran.

"Jika Malaysia terkena tempas daripada penurunannya, saya harapkan kerajaan tingkatkan pemantauan bagi memastikan pengedar dan peniaga juga berbuat sedemikian."

"Sama macam situasi harga beras di pasaran sekarang, kita dapat lihat paras penurunan disebabkan ia diapung, jadi peruncit atau pemborong terpaksa akur."

"Bila nampak ada kedai tak nak turunkan harga, kerajaan kena ambil tindakan kerana ia salah di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan. Kita gesa agar pihak penguatkuasaan bekerja lebih keras untuk pantau," katanya kepada *Sinar Harian*.



Walaupun harga tepung dunia mula menurun, kesannya belum dapat dirasai di Malaysia.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penanda aras bagi harga komoditi makanan dunia termasuk beras dan gandum menurun untuk bulan ketujuh berturut-turut pada Februari lalu.

Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) dalam satu kenyataan pada Jumaat berkata, ia didorong oleh sebut harga antarabangsa yang lebih rendah untuk semua bijirin utama kerana mengimbangi kenaikan harga gula dan daging.

Tambah Mohd Yusrizal, penurunan harga gandum juga disambut baik



MOHD YUSRIZAL

kerana harga roti di pasaran sudah lama naik sedangkan ia adalah antara keperluan rakyat.

"Bila harga pasaran naik impaknya harga makanan akan naik sama, kita faham. Tapi bila harga gandum turun tapi kedai tak turunkan harga makanan berasaskan gandum, ini dah jadi satu benda yang tidak sihat. Kita minta supaya

harganya juga akan menjadi lebih rendah," jelasnya.

Malaysia mengimport RM75.6 bilion produk makanan berbanding eksport RM44.6 bilion pada 2022, menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia.

SINAR HARIAN
Tarikh: 11 MAR 2024

Malaysia berada di landasan tepat

KUALA NERUS – Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali percaya negara berada di landasan tepat menuju status negara maju dan berpendapatan tinggi dalam tempoh 10 tahun selari dengan aspirasi kerangka Ekonomi Madani.

"Pencapaian sasaran itu selaras dengan kedudukan Malaysia di mata dunia kini sekali gus membuktikan keberkesanan dasar dan tindakan strategik kepimpinan negara.

"Malaysia naik dari tangga 32 ke tangga 27 dalam 'World Com-

petitiveness Ranking', manakala tangga ke-36 daripada 132 negara dalam Indeks Inovasi Global (GII) bagi tahun 2023.

"Kita berada pada landasan tepat dengan aspirasi kerangka Ekonomi Madani mahu Malaysia berada antara 30 negara kuasa besar ekonomi dunia serta 12 negara paling berdaya saing dalam tempoh 10 tahun," katanya ketika merasmikan Persidangan MyMudah peringkat Terengganu di sini semalam.

Katanya, skor keseluruhan negara dalam laporan GII telah

meningkat 40.9 mata berbanding 38.7 mata pada 2022.

Tambahnya, tahap produktiviti pekerja juga meningkat daripada RM95,858 pada 2022 kepada RM96,692 untuk tahun lalu.

"Bilangan tenaga kerja juga naik 2.5 peratus iaitu seramai 16.3 juta orang pada 2023.

"Peningkatan tersebut menggambarkan tahap kestabilan pasaran tenaga kerja, perkembangan baik aktiviti ekonomi serta trajektori positif peluang pekerjaan negara ini," tambahnya.

KOSMO

Tarikh: 11 MAR 2024

PANTAU HARGA MAKANAN DI BAZAR RAMADAN

14/3 11/3

Elak pengguna jadi mangsa 'cekik darah'

Kuala Lumpur: Pasukan pemantau beberapa badan bukan kerajaan (NGO) pengguna akan turun padang bagi meninjau keadaan dan harga makanan di bazar Ramadan sebagai bantuan kepada pihak berkuasa dalam usaha mengelak pengguna menjadi mangsa 'cekik darah'.

Ketua Pusat Pilihan Pengguna Malaysia, Tarmizi Anuwar berkata, pihaknya akan turun padang secara berkala dan melihat sendiri keadaan di bazar Ramadan kerana ia penting untuk memahami dinamik ekonomi yang dialami oleh pengguna dan memastikan berita atau laporan yang didapati adalah sahih.

Menurutnya, permintaan produk yang meningkat mendadak ketika Ramadan seperti barang penyediaan juadah terbuka di bazar atau restoran menyebabkan mungkin rantaian bekalan mentah terganggu atau kurang mencukupi selain kadar sewa tapak yang tinggi boleh menyebabkan peningkatan harga.

"Bagaimanapun kita tidak mahu perkara tular

yang tak benar menyebabkan berlaku salah faham dan imej mana-mana pihak terjejas. Ini juga bagi memastikan pengguna sedar dan peka akan hak mereka sekiranya sebarang manipulasi dilakukan.

"Jadi kita merancang turun padang secara berkala dan melihat keadaan di bazar (menyalurkan maklumat jika berlaku sebarang kenaikan harga mendadak dan perkara lain kepada pihak berkuasa)," katanya.

Katanya, peniaga juga perlu bertanggungjawab menyediakan produk berkualiti dan mengelakkan juadah dijual daripada basi selain konsisten memaparkan tanda harga supaya pengguna mendapat maklumat mencukupi untuk membuat pembelian.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, pihaknya juga berperanan untuk melaporkan dan mendedahkan jika berlaku peningkatan harga mendadak barang keperluan asas terutama barang makanan pada bulan Ramadan yang akan menjadi isu hangat.

HARIAN METRO

Tarikh: 1.1 MAR 2024

LZS agihkan ^{Hm 11/3} RM31.9j bantuan Ramadan, Syawal

Shah Alam: Sebanyak RM31.9 juta bantuan Ramadan dan Syawal diperuntukkan Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk diagihkan kepada 68,311 asnaf fakir, miskin dan muaf di seluruh negeri ini.

Ketua Pegawai Operasi LZS Ahmad Fadhil Hassan berkata, peruntukan itu membabitkan 23,578 ketua keluarga asnaf fakir dengan jumlah agihan zakat sebanyak RM11,564,750 dan 39,933 ketua keluarga asnaf miskin dengan jumlah agihan RM18,568,150.

Katanya, RM1,750.050 lagi diperuntukkan kepada 4,797 asnaf muaf dengan setiap penerima mendapat bantuan zakat antara RM300 hingga RM1,000 bergantung kepada jumlah tanggungan ke-

luarga.

"Bantuan berkenaan mula disalurkan hari ini sama ada melalui pembayaran yang dikreditkan ke akaun bank penerima atau menggunakan kaedah baucar tunai mahupun serahan tunai.

"Semakan status bantuan ini boleh dibuat secara dalam talian di ezo.zakatselangor.com.my," katanya, semalam.

Beliau berkata, pada tahun ini tiga daerah mencatatkan jumlah peruntukan agihan zakat tertinggi bagi bantuan Ramadan dan Syawal iaitu daerah Petaling, Klang dan Hulu Langat.

"Daerah Petaling dengan peruntukan agihan zakat sebanyak

RM6,228,900

kepada 13,045 asnaf fakir, miskin dan muaf," katanya.

**Bantuan
berkenaan mula
disalurkan hari ini**

HARIAN METRO

Tarikh: ...1.1.MAR.2024.

Penjaja sewa tapak kepada pihak ketiga diberi amaran

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengambil tindakan tegas ke atas penjaja bazar Ramadan yang bertindak menyewakan tapak mereka atau memberi kebenaran berniaga kepada pihak ketiga, termasuk warga asing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata Kementerian itu khususnya melalui DBKL, memandang berat eksploitasi sedemikian, selari dengan dasar berterusan yang dilaksanakan oleh agensi terbahit.

"Misalnya jika pemilik lesen berikan kepada orang lain (meniaga) atau tak patuhi kehendak diletakkan dalam garis panduan, memang kita akan ambil tindakan."

"Dari segi tindakan, ada yang kita gantung lesen sementara atau ambil terus lesen mereka... lihat juga pada keadaan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Projek Baiti Jannati (PBJ) dan Projek Mesra Rakyat (PMR) di Dataran Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Komunikasi dan Digital merangkap



Dr Zaliha bersama Fahmi, Abdul Razak (kanan) dan penerima bantuan selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Projek Baiti Jannati dan Projek Mesra Rakyat di Dataran PPR Kerinchi, semalam. (Foto Rohanis Shukri/BH)

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil; Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Abdul Razak Abdul Majid; Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Megat Jalaluddin Megat Hassan dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Datuk Mohd Nizam Yahya.

Dr Zaliha diminta mengulas tindakan tegas yang akan diambil sekiranya ada penjaja manipulasi menerusi sewa atas sewa bagi tapak mereka, termasuk warga asing.

Selain itu, ada peniaga sebelum ini didakwa bertindak membenarkan bukan pemegang lesen

menguruskan tapak bazar mereka.

Dr Zaliha turut mengingatkan penjaja yang menyewa tapak bazar Ramadan supaya mematuhi semua syarat ditetapkan.

"Apabila kita beri lesen kepada pemilik (lesen), dia kena menialah," katanya.

Program Jualan Rahmah Ramadan di 450 lokasi

Pembukaan berperingkat, kekal jualan 10 hingga 30 peratus lebih rendah

Oleh Rafiqah Dahali
bhnews@bh.com.my

Papar: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melancarkan Program Jualan Rahmah Ramadan membabitkan 450 lokasi seluruh negara.

Menteri, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata Program Jualan Rahmah Ramadan akan dibuka secara berperingkat dan masih mengekalkan jualan barangan keperluan asas antara 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding pasaran.

Katanya, selain barang keperluan biasa, program itu akan turut menyediakan jualan makanan keperluan harian lain seperti ayam, daging lembu, ikan dan

pelbagai hasil laut, beras serta telur ayam.

"Bekalan produk pada jualan murah ini juga membabitkan kerjasama agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Kita harapkan dengan adanya Program Jualan Rahmah Ramadan, dapat membantu rakyat mendapatkan bekalan barang kering, barang basah, barang persiapan untuk membuat kuih raya dan sebagainya pada harga lebih murah," katanya kepada pemberita selepas sesi 'walkabout' Program Jualan Rahmah MADANI di Padang Kawad Ibu Pejabat Pasukan Gerakan Am (PGA) Sabah, di sini semalam.

Lancar program di Putrajaya

Armizan berkata, pelancaran Program Jualan Rahmah Ramadan akan diadakan di Putrajaya pada hari pertama Ramadan.

"Semua boleh menyemak jadual 450 siri Program Jualan Rahmah Ramadan di laman sesawang rasmi KPDN untuk maklumat lokasi di kawasan sekitar mereka," katanya.



Armizan bertemu pengunjung pada sesi walkabout Program Jualan Rahmah MADANI di Padang Kawad Ibu Pejabat PGA Sabah, semalam. (Foto BERNAMA)

BERITA HARIAN
1 MAR 2024
Tarikh.....

PPR daif jejas kualiti hidup penghuni

BH 11/3

Perumahan kos rendah dibina lebih 20 tahun tak mampu berdepan negara tua 2030

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Satu kajian menunjukkan sebahagian besar Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dibangunkan lebih 20 tahun lalu didapati tidak lagi berada dalam kondisi yang baik dan dikhawatiri memberi kesan buruk kepada kualiti hidup penduduk.

Selain ruang terhad dan sempit, ada rumah PPR jenis bertingkat yang standard pembinaannya rendah serta tiada amalan penyelenggaraan berkala.

Ja antara dapatan daripada kajian Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) bertajuk 'Menyesuaikan PPR Supaya Mesra Warga Emas' yang diterbitkan pada 7 Februari lalu.

Menurut kajian, perumahan kos rendah itu yang diperkenalkan sekitar tahun 2000 perlu ditambah baik, terutama untuk lebih mesra warga emas memandangkan sudah melebihi kemampuan untuk menyediakan kemudahan dan kehidupan kondusif

kepada penghuni.

PPR yang dibangunkan kerajaan tempatan sebagai penempatan semula bagi golongan setinggan dan kurang berkemampuan dilihat mula tidak selari dengan Dasar Warga Emas Negara, memandangkan Malaysia dijangka menjadi negara tua pada 2030 apabila penduduk berusia 60 tahun ke atas mencech 15 peratus daripada jumlah populasi.

"Penduduk warga emas di PPR semakin meningkat kerana satu daripada 10 penduduk adalah warga emas dan dijangka meningkat seiring perubahan pola penduduk Malaysia.

"Justeru, PPR perlu ditambah baik untuk membantu kehidupan warga emas lebih selesa memandangkan persekitaran sedia ada tidak membantu golongan berusia untuk hidup selesa dan sejahtera," menurut kajian itu.

Pilih terus menetap di PPR

Kajian KRI juga menunjukkan kebajikan penduduk kekal untuk menetap di PPR ketika tua adalah tinggi disebabkan rakyat di negara ini lebih cenderung untuk menua di tempat asal kerana mereka sudah biasa dengan kawasan itu dan sudah membina rangkaian komuniti sosial.

Katanya, harga rumah dan sewa tinggi juga menyukarkan penduduk keluar daripada komuniti PPR dan memilih terus menetap di situ.

"Dalam soal selidik KRI, sekitar



PPR dibangunkan sebagai penempatan semula golongan setinggan dan kurang mampu.

(Foto hiasan)

separuh atau 51 peratus penduduk PPR memilih kekal menghuni di PPR, terutama dalam kalangan isi rumah yang berpendapatan RM2,500.

"Kajian mendapati sekitar 10 peratus penghuni PPR adalah warga emas yang berusia 60 tahun dan ke atas, dengan ketua isi rumah di PPR juga sudah berusia dan mempunyai umur penengah iaitu sekitar 52 tahun sehingga 54 tahun," katanya.

Laporan KRI itu menegaskan, keadaan PPR yang tidak kondusif dalam keadaan tertentu boleh membahayakan nyawa.

"Liputan akhbar melaporkan cerita pilu seperti lif PPR yang kerap rosak sehingga menyukarkan pergerakan warga emas dan pengguna kerusi roda terutama ketika berlaku kecemasan.

"Lif terhempas mengakibatkan kecederaan dan trauma, kanak-kanak patah kaki kerana tiada pemegang tangga serta ruang PPR yang terhad dan sempit yang memberi kesan buruk terhadap kesihatan mental penduduk," katanya.

Laporan KRI juga menyatakan,

reka bentuk PPR sebenarnya dibina berdasarkan keadaan penduduk yang mahu dipindahkan atau penempatan semula kerajaan dan mengguna pakai piawaian pembinaan terdahulu, yang dilihat tidak dapat memenuhi keperluan penduduk yang meningkat usia.

"Reka bentuk dan pembinaan bangunan mesti boleh diakses dan diguna semua penghuni, termasuk mereka yang kurang upaya dan bebas rintangan.

"Contohnya, penyediaan tanjakan untuk kerusi roda dan pintu lebih lebar, kedudukan soket dan suis elektrik yang mudah dicapai serta menggunakan tuil pintu jenis pemegang berbanding tombol dapat menyumbang dalam menambah baik akses.

"Lif dan tangga juga perlu dalam keadaan baik menjadi asas supaya penghuni selesa bergerak dalam bangunan," katanya.

Selain itu, aspek keselamatan dan sekuriti perlu dititikberatkan menerusi penyenggaraan berkala untuk memastikan bangunan kekal baik serta mengambil kira keupayaan golongan tua yang terhad dan perlu mengurangkan ke-

barangkalian kecederaan.

"Contohnya, memastikan adanya susur tangan di tangga atau bar genggam di tandas untuk mengelak daripada terjatuh dan mengecat hujung tangga dengan warna kuning membantu penghuni lebih peka ketika melangkah anak tangga.

"Tahap sekuriti PPR juga perlu ditekankan supaya penduduk terlindung daripada jenayah. Ini boleh dilakukan dengan memastikan ada kawalan keselamatan, mengguna pakai sistem kamera litar tertutup (CCTV) dan memperkasakan komuniti rukun tetangga di PPR," katanya.

Tahap ketersampaian PPR iaitu akses kepada pengangkutan, pekerjaan, perkhidmatan kesihatan, pendidikan, kedai, kemudahan rekreasi, hubungan sosial dan kemudahan lain juga perlu diberi perhatian penting.

"Pemilihan lokasi PPR adalah penting kerana membolehkan penghuni menjalankan aktiviti sosioekonomi dan sosial tanpa beban. Pada masa sama ia mempromosikan penuaan yang sihat," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh.....1.1.MAR 2024.....

Tahap produktiviti pekerja di Malaysia meningkat

BH 11/3

Pasaran tenaga kerja stabil, aktiviti ekonomi bertambah

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
zatuliffah@bh.com.my

Kuala Nerus: Tahap produktiviti bagi setiap pekerja di Malaysia, meningkat kepada RM96,692 pada tahun lalu berbanding RM95,858 pada 2022.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata bilangan pekerja turut menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun sebanyak 2.5 peratus dengan jumlah seramai 16.3 juta orang.

Beliau berkata, ia menggambarkan pasaran tenaga kerja yang stabil dan peningkatan aktiviti ekonomi, selain mencerminkan trajektori positif pertumbuhan peluang pekerjaan baharu.

"Pencapaian itu adalah hasil kerjasama semua pihak dalam sektor awam dan swasta yang mana usaha bersama ini perlu diteruskan serta diperkukuh pada masa depan agar sasaran dan matlamat negara boleh dicapai.

"Hasilnya dinikmati bersama perkhidmatan awam, pemain industri, anak-anak kita dan generasi yang akan datang," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Persidangan MyMudah 2024 Peringkat Terengganu di Kuala Nerus, semalam.



Mohd Zuki (dua dari kiri) merasmikan Persidangan MyMudah 2024 Peringkat Terengganu di Kuala Nerus, semalam. (Foto Ghazali Kori/BH)

tanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Persidangan MyMudah 2024 Peringkat Terengganu, semalam.

Menuju status negara maju

Seterusnya, Mohd Zuki berkata, Malaysia berada di landasan yang tepat ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi.

Beliau berkata, pencapaian dan kedudukan Malaysia di arena antarabangsa menjadi bukti kepemimpinan, dasar dan tindakan strategik negara adalah berkesan serta menjurus kepada pencapaian sasaran sebagaimana diaspirasikan dalam kerangka Ekonomi MADANI untuk Malaysia.

laysia muncul antara 30 ekonomi terbesar dunia dan 12 negara paling berdaya saing dalam tempoh 10 tahun.

"Dalam Laporan Indeks Inovasi Global (GII) 2023, Malaysia kekal di kedudukan ke-36 daripada kalangan 132 negara, dengan mencatat peningkatan skor keseluruhan kepada 40.9 berbanding 38.7 pada 2022.

"Malaysia merekodkan peningkatan kedudukan sebanyak tujuh anak tangga kepada kedudukan ke-27 dalam Laporan World Competitiveness Ranking 2023, berbanding tempat ke-32 pada 2022," katanya.

Mohd Zuki memaklumkan, kerajaan juga sedang melaksanakan inisiatif mempercepatkan usaha menamatkan kemiskinan

tegar. Katanya, pengenalan Pangkalan Data Utama (PADU) oleh Kementerian Ekonomi memastikan tidak berlaku ketirisan, dan bantuan serta subsidi sampai kepada golongan sasaran yang benar-benar memerlukan.

"Di Terengganu, terdapat 8,057 keluarga miskin tegar serta lebih 30,000 keluarga miskin, dan saya berharap inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan akan menamatkan kemiskinan tegar di Terengganu menjelang akhir tahun ini," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 11 MAR 2024

Mata wang tempatan dijangka RM4.42 satu dolar AS akhir tahun



Kenanga Research menjangka ringgit akan mengukuh ke paras RM4.42 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) menjelang akhir 2024 didorong sokongan dasar tambahan dari China yang disasarkan untuk membangkitkan semula ekonomi negara itu, ditambah usaha Bank Negara Malaysia (BNM) untuk merangsang aliran masuk tukaran asing.

Bagaimanapun, firma penyelidikan itu berkata, mengekalkan tahap keyakinan pelabur dalam hala tuju dasar fiskal negara adalah perkara yang amat penting untuk menarik pelaburan ke da-

lam Malaysia.

"Di sebalik ketidaktentuan ekonomi global dan kenyataan Pengerusi Rizab Persekutuan (Fed), Jerome Powell yang cenderung terhadap kadar faedah tinggi, kami masih percaya bank pusat AS itu mungkin mula menurunkan kadar faedah Jun ini dan seterusnya, berikutan bukti disinflasi berterusan dan pasaran pekerjaan yang mulai perlahan dalam beberapa bulan akan datang.

"Jika isyarat kelemahan dalam pasaran pekerjaan seperti kelembapan dalam Indeks Pengurus Belian perkhidmatan AS

dan gaji sektor swasta lebih rendah pada Februari berlaku, Fed akan diyakinkan untuk menyemak semula dasarnya.

"Keraguan yang semakin bertambah terhadap tinjauan AS yang kukuh mungkin menyebabkan pelabur menilai semula jangkaan pemotongan kadar faedah Fed, sekali gus melemahkan nilai dolar AS dan mengukuhkan data tarikan terhadap aset berisiko," katanya.

Di sebalik bacaan eksport Malaysia lebih kukuh daripada jangkaan dan langkah diambil Beijing untuk memperkasakan ekonomi, ringgit jatuh ke paras

paling lemah pada Februari.

Hal ini kebanyakannya disebabkan bacaan Indeks Harga Pengguna teras AS kekal tinggi yang menjejaskan jangkaan pelabur bahawa Fed membuat penyesuaian lebih awal terhadap kadar faedah.

Akibatnya, indeks dolar AS (DXY) melonjak setinggi 104.96 dan perbezaan pulangan negatif 10 tahun Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) - Perbendaharaan AS (UST) melebar kepada purata -37.4 mata asas (bps) pada Februari, berbanding -22.5 pada Januari.

"Namun, usaha bersama oleh

kerajaan dan BNM untuk mengukuhkan aliran masuk ke dalam pasaran pertukaran asing domestik membantu ringgit untuk meningkat ke paras RM4.74 satu dolar AS menjelang akhir Februari," kata Kenanga Research.

Firma penyelidikan itu juga menjangkakan BNM mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3 peratus sepanjang 2024, bersandarkan data utama dalam negeri yang stabil dan angka inflasi teras serta prospek pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) yang kukuh sekitar 4.5 hingga 5 peratus.

BERITA HARIAN
Tarikh... 11 MAR 2024

Gaji minimum graduan RM3,000

um 11/3

(1)

Oleh YASMIN NATASHA HAIRUL
yasmin.hairul@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Majikan perlu menetapkan kadar gaji minimum sekurang-kurangnya RM3,000 mengikut bidang dan kelayakan graduan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK), Wan Amsyar Hadie Wan Mahadi berkata, majikan perlu bijak dalam mengurus dan menangani isu ini dengan pelan tindakan yang lebih mampan bagi memajukan syarikat.

“Sudah tentu perkara (gaji minimum) ini secara tidak langsung memberi tekanan kepada mana-mana majikan, terutamanya dengan keadaan ekonomi semasa yang mencabar.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 11 MAR 2024

Gaji minimum graduan RM3,000

um 1/3

2
Dari muka 1

"Namun, majikan perlu bijak dalam menguruskan dan menangani isu berkenaan bagi menarik minat golongan graduan untuk bekerja, dan sudah tentu berdasarkan kelayakan serta kemahiran mereka.

"MPPK menyokong sepe-
nuhnya penetapan kadar gaji minimum tersebut supaya se-
laras dengan kos ekonomi yang
semakin meningkat," katanya
ketika dihubungi.

Terdahulu, akhbar ini me-
laporkan, penetapan kadar
gaji minimum untuk golongan
siswazah dilihat sebagai lang-
kah yang boleh menyelesaikan
masalah gaji kecil dan peker-
jaan yang tidak sepadan den-
gan kelayakan.

Pakar akademik berpanda-
ngan, kerajaan mesti memu-

lakan langkah itu kerana tiada
garis panduan berhubung pe-
netapan gaji minimum siswa-
zah peringkat ijazah sarjana
muda, sehingga terdapat pihak
mengambil kesempatan mem-
bayar gaji siswazah dengan ni-
lai terlalu rendah.

Kerajaan pula ketika ini me-
netapkan kadar gaji minimum
sebanyak RM1,500 untuk ma-
jikan yang mempunyai kurang
daripada lima pekerja melibat-
kan beberapa sektor termasuk
perladangan, pertanian dan
pembuatan selepas Jabatan Pe-
guam Negara (AGC) mewarta-
kannya pada 27 April 2022.

Dalam pada itu, tambah
Wan Amsyar Hadie, kadar
gaji sepatutnya perlu diper-
luaskan di seluruh tempat den-
gan mengambil kira keadaan
ekonomi semasa.

"Pihak kerajaan boleh mem-

berikan insentif seperti pengu-
rangan cukai atau memberikan
geran yang boleh membantu
syarikat di luar untuk melak-
sanakan pemberian kadar gaji
minimum yang setimpal.

"Insentif atau bantuan itu
secara tidak langsung dapat
mengurangkan kos dan tekanan
yang dialami kebanyakan syari-
kat dalam mendapatkan pekerja.

"Golongan graduan juga
pastinya lebih berminat untuk
bekerja jika melihat tawaran
gaji minimum yang setimpal
kerana zaman kini, banyak
komitmen perlu dilunaskan se-
baik sahaja bekerja, sekali gus
mengelakkan masalah 'brain
drain' dalam negara," ujarnya.

Selain itu, isu gaji juga di-
kaitkan dengan kebimbangan
beberapa pihak mengenai golon-
gan muda mungkin tidak lagi
berminat menyambung pen-

gajian ke peringkat lebih tinggi
kerana beranggapan platform
itu tidak mampu memberikan
mereka pulangan yang setimpal.

Laporan terdahulu akhbar
ini menyatakan ahli-ahli akade-
mik percaya, golongan tersebut
mungkin berpendapat segala
pelaburan untuk meneruskan
pengajian khususnya dalam bi-
dang profesional, tidak setara
dengan pulangan apabila bek-
erja.

Bercakap kepada *Utusan
Malaysia*, Pensyarah Kanan
Jabatan Ekonomi dan Kewan-
gan, Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan Universiti Teknolo-
gi Mara (UiTM), Dr. Mohamad
Idham Md. Razak berkata,
kerajaan wajar menyemak se-
mula purata gaji permulaan un-
tuk peringkat ijazah dan indus-
tri, bagi menetapkan jangkaan
gaji yang realistik.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:1...1...MAR...2024....

450 lokasi anjur ^{UM 11/3} Program Jualan Rahmah Ramadan

PAPAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memperluaskan Program Jualan Rahmah (PJR) ke 450 lokasi yang dikenal pasti di seluruh negara sepanjang Ramadan ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pihak kementerian menyasarkan untuk melaksana dua siri PJR Ramadan di setiap kawasan Parlimen dan untuk Sabah, akan diadakan di 50 lokasi.

Beliau berkata, PJR Ramadan sama seperti PJR lain yang menawarkan jualan produk barang keperluan asas pada kadar potongan harga antara 10 hingga 30 peratus berbanding harga jualan asal.

Namun, perbezaannya adalah barang-barang basah dan barangan keperluan harian sempena bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri seperti tepung, telur ayam, daging, ayam dan ikan turut dijual.

"Barang keperluan untuk membuat kuih turut ditawarkan sepanjang PJR Ramadan bagi memudahkan orang ramai membuat persiapan Aidilfitri.

"Kita harap dengan adanya PJR Ramadan ini, kita dapat membantu orang ramai khususnya golongan sasaran mendapatkan barang-barang kering, basah dan barang-barang persiapan Aidilfitri.

"Usaha murni yang dijalankan oleh KPDN bersama pihak-pihak berkepentingan ini adalah salah satu inisiatif di bawah kerajaan Madani dalam membantu meredakan kos sara hidup rakyat bagi membeli keperluan asas pada harga yang lebih murah khususnya pada bulan Ramadan," katanya semasa merasmikan Program Jualan Rahmah di Pasukan Gerakan Am (PGA), Kinarut semalam.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 11 MAR 2024



SUHAIMEE
SAAHAR@
SABAR

DALAM usaha membangun dan memperkuat negara yang berintegriti serta berdaya saing, Malaysia telah mengambil langkah signifikan ke arah usaha-usaha dalam membanteras rasuah, sebuah perjuangan yang panjang dan memerlukan komitmen dan kerjasama dari semua lapisan masyarakat.

Terbaru, skor Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2023 yang dikeluarkan oleh Transparency International (TI) telah mencatatkan peningkatan kepada 50 mata dari 47 mata pada tahun sebelumnya, menandakan sebuah kemajuan yang penting dalam usaha memerangi rasuah.

Ini merupakan indikasi yang jelas bahawa usaha keras dan dedikasi kerajaan serta rakyatnya dalam melawan rasuah mulai membuahkan hasil. Hasrat Perdana Menteri untuk melihat gejala rasuah yang pernah membarah sebelum ini dapat dipulihkan menerusi kerja keras semua pihak dan paling utama adalah ketegasan Perdana Menteri yang lantang melawan budaya rasuah ini.

Konsep Ekonomi Madani yang diperkenalkan oleh beliau merupakan salah satu usaha strategik untuk memperkuat asas ekonomi negara melalui prinsip-prinsip keadilan, ketelusan dan integriti. Dengan menetapkan sasaran untuk mencapai kedudukan tangga ke-25 dalam CPI dalam tempoh 10 tahun, Malaysia menunjukkan komitmen yang kuat untuk memperbaiki tata kelola dan meningkatkan kepercayaan dalam kalangan pelabur dan komuniti perniagaan.

Pencapaian terkini yang meletakkan negara pada kedudukan ke-57 dari 180 negara adalah bukti nyata bahawa Malaysia berada pada landasan yang tepat. Usaha-usaha pemulihan semula ekonomi dapat diteruskan dan pada tahun lepas sahaja Malaysia mencatat jumlah pelaburan asing yang tinggi dan akan membantu usaha untuk memulihkan keyakinan pelabur dan mata wang negara kita.

Peningkatan dalam skor CPI tidak hanya mencerminkan usaha pemerintah tetapi juga menunjukkan keberhasilan dalam meningkatkan kebebasan kehakiman seperti yang terlihat dari pendakwaan dan sabitan dalam kes rasuah dan salah guna kuasa yang telah mengkayakan golongan-



LANGKAH kerajaan bersama dengan usaha Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Peguam Negara menandakan era baharu dalam pemberantasan rasuah di Malaysia.

Usaha Malaysia lawan rasuah mula beri hasil positif

golongan tertentu sehingga menguasai beberapa sektor yang memerlukan pemulihan dan usaha reformasi pentadbiran yang ketat dan efisien dalam memastikan usaha-usaha pemulihan ini akan menampakkan hasil dalam waktu terdekat ini.

Langkah-langkah ini, bersama-sama dengan usaha Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Peguam Negara menandakan era baharu dalam pemberantasan rasuah di Malaysia, di mana tidak ada lagi keistimewaan untuk "jerung" atau "ikan bilis". Semua individu, tanpa mengira status atau kedudukan, tunduk pada undang-undang yang sama tanpa mengira kedudukan dan pangkat.

Ini merupakan satu mesej yang jelas dan tepat serta memerlukan dukungan daripada semua pihak terutama dalam memastikan nasib golongan anak-anak kita hari ini tidak akan tergadai kerana kealpaan dan kerakusan kita dalam membolot limpahan kekayaan di negara ini.



Peningkatan dalam skor CPI tidak hanya mencerminkan usaha pemerintah tetapi juga menunjukkan keberhasilan dalam meningkatkan kebebasan kehakiman."

Oleh itu, penting untuk diingat bahawa perjuangan melawan rasuah tidak hanya tanggungjawab kerajaan tetapi juga seluruh rakyat Malaysia. Pendekatan dari bawah ke atas, di mana setiap individu berperanan secara aktif dalam memerangi rasuah, adalah amat penting.

Kesedaran dan pendidikan mengenai dampak negatif rasuah harus ditanamkan

sejak dini, memastikan generasi mendatang tumbuh dengan nilai integriti dan kejujuran. Ini akan tumbuh sebagai dahan yang kuat berteraskan kekuatan integriti, prinsip, nilai dan ketahanan yang kuat dalam melawan ketirisan dan salah guna kuasa.

Selain itu, kerjasama antara sektor swasta dan kerajaan dalam mempromosikan tata kelola yang baik dan ketelusan dalam semua transaksi adalah penting untuk menciptakan ekosistem perniagaan yang sihat dan bebas rasuah.

Ini tidak hanya akan memperkuat ekonomi tetapi juga meningkatkan daya saing Malaysia di pentas global. Memberi gambaran baharu bahawa negara ini semakin menuju landasan yang tepat dalam memastikan kita mampu bersaing dengan negara-negara jiran kita yang lain seperti Indonesia, Thailand dan Singapura.

Dalam konteks lebih luas, konsep Madani menggariskan visi untuk sebuah negara yang tidak hanya maju dari segi ekonomi tetapi juga kaya

dengan nilai-nilai moral dan etika. Melalui pendekatan ini, Malaysia berusaha untuk memulihkan dan memperkuat dahan yang rapuh akibat rasuah, dengan harapan untuk membangun masyarakat yang lebih adil, inklusif dan berkeadilan sosial.

Seruan Perdana Menteri agar usaha ini perlu mengarak ke bawah adalah penting bagi memastikan dahan yang kuat ini akan bernilai dan berteraskan nilai-nilai moral, etika, integriti, keimanan dan ketakwaan yang jelas dan mantap.

Kesediaan untuk menghadapi realiti rasuah dan bergerak menuju ketelusan total adalah langkah yang berani namun penting digerakkan oleh semua pihak di setiap lapisan masyarakat. Dengan mengakui masalah dan bekerja bersama sebagai satu bangsa, Malaysia dapat mengatasi halangan ini dengan mudah tanpa campur tangan daripada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan sendiri.

Usaha ini memerlukan ketabahan, kesabaran dan komitmen yang berkelanjutan dari semua pihak. Hasilnya akan menjelma dan satu sinar baharu pasti akan terbit dan masyarakat akan disinari dengan cahaya ketelusan dan keadilan yang bersifat inklusif dan berdaya saing.

Dalam masa yang sama, penekanan pada pendidikan dan kesedaran mengenai rasuah sejak usia dini, pengukuhan institusi kehakiman dan undang-undang serta promosi budaya integriti dalam sektor publik dan swasta adalah beberapa langkah yang dapat diambil untuk memastikan bahawa usaha membanteras rasuah terus berjalan dan akar masalah dapat diatasi sama ada secara inklusif, progresif dan produktif.

Perjuangan melawan rasuah adalah maraton, bukan *sprint*. Dengan terus menerapkan dan memperkuat konsep Madani, Malaysia berada di jalur yang benar untuk menciptakan masyarakat yang lebih baik dan lebih kuat, di mana integriti dan keadilan bukan hanya diidamkan tetapi menjadi kenyataan.

Kita harus tetap optimis dan berdedikasi dalam usaha ini, kerana setiap langkah kecil menuju transparansi dan keadilan adalah kemenangan bagi seluruh bangsa dan negara secara keseluruhannya.

PROFESOR Madya Dr Suhaimee Saahar @ Saabar ialah Pengarah Pusat Pengajian Perangsang Media dan Informasi Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UTM Shah Alam.



DAPATAN indeks ini memberi gambaran positif dalam hasrat kerajaan untuk membangunkan Malaysia berteraskan konsep Madani.

- UTUSAN/AMIR KHALID

Indeks Malaysia Negara Rahmah memberangsangkan

SAUDARA PENGARANG,

INDEKS Malaysia Negara Rahmah (IMNR) bagi 2023 mencatatkan skor 7.24, berbanding skor 6.47 pada 2022 dan 6.09 pada 2021 dengan lapan ciri menunjukkan peningkatan skor yang memberangsangkan.

Ciri-ciri IMNR yang berteraskan nilai mempunyai banyak persamaan dan saling berkait dengan gagasan Malaysia Madani. Dapatan IMNR memberi gambaran positif dalam hasrat kerajaan untuk membangunkan Malaysia berteraskan konsep Madani.

Kajian indeks ini telah dijalankan di seluruh negara dari bulan September hingga November 2023. Kajian ini melibatkan 3,192 responden yang terdiri daripada rakyat Malaysia pelbagai kaum berusia 18 tahun ke atas dan mempunyai tahap pendidikan sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Kajian dijalankan menggunakan persampelan berstrata. Hasil kajian ini menunjukkan pencapaian keseluruhan bagi ciri-ciri negara rahmah bagi 2023 berada pada skor 7.24 daripada 10 iaitu pada tahap sederhana. Ciri-ciri yang mendapat skor tertinggi ialah ciri 6 iaitu Institusi Keluarga Yang Utuh (7.98), ciri 12 Menerajui Usaha Keamanan Dan Kesejahteraan Sejagat (7.93) dan ciri 5, Masyarakat Yang Berilmu, Berakhlak Dan Penyayang (7.72).

Namun, ciri 9, Agihan Kekayaan yang Saksama (6.14), ciri 8, Ekonomi yang Mampan (6.84) dan ciri 3 Tadbir Urus yang Baik (6.86) mendapat skor yang paling rendah.

Penemuan menarik bagi 2023 berbanding 2022 adalah peningkatan ketara untuk skor untuk ciri 12 Kesejahteraan Sejagat (1.27), ciri 3 Tadbir Urus Yang Baik (1.18) dan ciri 1 Kepimpinan Yang Kompeten dan Berintegriti (1.07).

Sebaliknya, ciri 7 Hubungan Etnik dan Penganut Agama menguncup dengan penurunan skor sebanyak 0.27 dari 7.40 pada 2022 ke 7.13 pada 2023.

IKRAM berpandangan indeks memberi gambaran yang menyeluruh terhadap pencapaian usaha-usaha semua pihak dalam membangunkan Malaysia Madani. Dapatan indeks ini dapat membantu dan memacu mencapai aspirasi negara.

PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 11 MAR 2024



FAUZI SHAFFIE

KOMEN di media sosial yang paling mencuri perhatian saya selepas cukai SST dinaikkan ke lapan peratus adalah "Malaysia satu-satunya negara dalam dunia yang rakyatnya berguling-guling menolak cukai enam peratus, tetapi apabila cukai menjadi lapan peratus semuanya diam."

Peristiwa pembatalan cukai GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan) pada 2018 dan digantikan dengan cukai SST (Cukai Jualan dan Perkhidmatan) adalah antara sejarah penting negara di mana cukainya ditentukan oleh kemahuan rakyat.

Majoriti besar rakyat tidak faham erti cukai selain daripada nilai yang mereka diwajibkan bayar dan tindakan penguatkuasaan ketika mereka gagal menunaikan tanggungjawab membayar cukai.

Justeru, tindakan pembatalan GST pada 2018 menjadikan para pentadbir negara, khususnya mereka yang berkait rapat dengan pengawalan perbelanjaan peringkat kementerian dan jabatan hanya mampu mengetap bibir kekecewaan, termasuk mereka yang turut berkempen menolaknya dan hari ini, setiap rakyat dapat merasai bebannya.

Apa sahaja sistem percukaian yang digunakan tidak bermakna hanya untuk meningkatkan kutipan bagi membiayai perbelanjaan negara, namun lebih daripada itu adalah sebagai persediaan untuk membiayai pembangunan negara yang mapan, mengurus dan membantu governans yang baik, serta pembangunan rakyat yang berterusan.

Sistem percukaian juga alat utama yang boleh mempengaruhi pembangunan ekonomi yang dijana melalui aktiviti niaga, galakan pelaburan, insentif pekerjaan dan pembangunan kemahiran dan meningkatkan inovasi.

Sistem cukai yang mana-mana negara gunakan juga memberi kesan kepada tarikan pelaburan, dengan pelaburan terus luar negara salah satu punca pendapatan utama negara bagi meningkatkan kadar pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat, malah boleh bantu perkukuhkan mata wang negara.

Justeru, sistem percukaian yang diguna pakai perlu sesuai secara strategik dengan keperluan sesebuah negara,

Tiada pilihan lain kecuali kembali kepada GST? UM 4/3



SISTEM percukaian yang berkesan bukan sahaja mengukuhkan kewangan kerajaan tetapi juga mampu menarik pelabur.

menggalak pembangunan ekonomi, menyokong kehidupan rakyat dan juga cakna dengan perkembangan global.

Dengan mengambil kira andaian semuanya ikhlas dalam membuat keputusan, golongan yang boleh memberi cadangan terbaik adalah mereka yang pakar dalam urusan ini, bukan khalayak ramai.

Pakar dalam strategi perlawanan bola sepak adalah jurulatih yang berada di tepi padang, yang memberi arahan kepada para pemain dalam padang sebagai pakar dalam mengawal pergerakan bola dan bukan penonton yang ramai riuh di sekeliling padang. Bayangkan jika arahan yang perlu diikuti oleh pemain datangnya daripada penonton di sekeliling padang!

Demokrasi ada hadnya dalam penentuan keputusan.

Kini setiap rakyat berasa tekanan cukai yang membebankan walaupun ada program subsidi bagi meringankan beban tersebut. Namun, rakyat sudah memilih mereka yang boleh membentuk kerajaan, maka hiduaplah dengan pilihan kita itu bagi tempoh yang kita juga telah tetapkan bersama sejak merdeka 67 tahun lalu.

Bila tiba masanya, kita



Sistem percukaian yang diguna pakai perlu sesuai secara strategik dengan keperluan sesebuah negara."

sebagai rakyat yang mengundi juga boleh buat keputusan sama ada untuk terus beri peluang kepada pemerintah hari ini atau menamatkan khidmat mereka serta beri peluang kepada golongan lain. Sementara itu, kita sebagai rakyat harus beri kerjasama untuk bina dan kukuhkan ekonomi negara kita.

Sungguhpun kadar cukai korporat sesebuah negara adalah faktor utama untuk menarik pelabur luar, namun faktor kestabilan politik, kerangka fiskal, penawaran tenaga kerja mahir, sistem urus bekalan dan saiz pasaran juga menjadi ukuran. Faktor kestabilan politik adalah kemahuan pilihan rakyat, sama ada mahu berjudi dengan nasib atau boleh bersabar menunggu cukup tempoh yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan.

Sekiranya kita bersikap tidak bertanggungjawab, merobek kemurnian hasrat pembangunan ekonomi, mengganggu kestabilan negara dan merungkai kepercayaan pelabur, semata-mata untuk buktikan kerajaan hari ini tidak mampu menjalankan tugas demi membuka peluang kepada golongan sendiri pula memerintah, ingat, Allah tetap mencatat, Dia Maha tahu apa yang bersarang dalam dada-dada kita.

Ini jauh sekali membawa makna rakyat harus menerima membuta tuli, langsung para pemegang amanah pemerintahan harus meningkatkan sikap pertanggungjawaban dan tidak berwenang dalam menggarap tugas. Untuk beberapa musim akan datang, kita harungi bersama SST lapan peratus dengan doa keadaan ekonomi negara mampu menampung kehidupan rakyat dan berdaya saing.

Dalam usaha membina sebuah negara aman dan makmur, setiap rakyat, pemimpin dan petugas kerajaan seharusnya saling mendukung tugas yang terbahagi, saling membantu kerja yang diberi dan saling menghormati pendirian dan pandangan.

Semuanya berkisar kepada

rasa bertanggungjawab. Beban berat sama dipikul sehingga sebuah rumah boleh dialih. Beban ringan sama dijinjing tanpa dirasa sudah terkalih.

Saya percaya semua rakyat amat terkesan dengan beban cukai lapan peratus yang baharu dilaksana. Namun, itulah pilihan untuk kita hidup bersama dalam sebuah negara yang sedang melalui fasa kepayahan. Kita akan lebih mudah keluar daripada kemelut ini bersama-sama, berbanding dengan pendirian saling mencari salah.

Kita tidak akan keluar daripada kemelut ekonomi hari ini dengan menunjal dahi lawan. Tidak ada gunanya saling menunjuk kesalahan tanpa kita hadir bersama rangka penyelesaian. Kesan ekonomi global yang mempengaruhi ekonomi negara hanya akan dapat kita kurangi dengan penghasilan produktiviti tinggi dalam negara serta keberkesanan pengurusan tanpa bocor.

Untuk kemakmuran masa hadapan, percukaian Malaysia mungkin tidak ada pilihan kecuali berpindah kembali kepada GST dan masa akan menentukan, walaupun angkanya mungkin tidak enam peratus.

DR. Mohd Fauzi Shaffie ialah pemerhati sosioekonomi dan politik.

Orang Melayu penyumbang terbesar ekonomi?

UM 1/3

Oleh AHMAD FADHULLAH
ADNAN
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Pengguna Melayu merekodkan perbelanjaan kira-kira RM28 bilion setiap bulan pada 2022 sekali gus menjadi penyumbang terbesar kepada sektor perniagaan seterusnya menjana ekonomi negara yang dikuasai peniaga bukan Melayu.

Penganalisis Ekonomi, Profesor Emeritus Dr. Barjoyai Bardai berkata, sehubungan itu, bukan Melayu dilihat bergantung kepada orang Melayu yang merangkumi kira-kira 60 peratus jumlah penduduk negara seterusnya menjadi kuasa beli terbesar.

"Peniaga boleh mengalami kesukaran sekiranya pengguna tidak berbelanja kerana kuasa ekonomi ditentukan oleh pengguna yang mempunyai wang untuk dibelanjakan.

"Tetapi sebenarnya orang Melayu tidak begitu prihatin tentang kuasa mereka sebagai pengguna," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai sejauh mana kuasa beli kumpulan Melayu di negara ini susulan satu perniagaan makanan dan minuman (F&B) berjenama antarabangsa milik antara seorang taikun terkaya di Malaysia dilaporkan rugi bersih



ORANG Melayu yang merangkumi kira-kira 60 peratus penduduk Malaysia, merupakan kuasa beli terbesar di negara ini, namun dikatakan kurang prihatin kuasa mereka sebagai pengguna. - GAMBAR HIASAN

berjumlah lebih RM40 juta pada suku kedua tahun lepas.

Kerugian direkodkan itu dipercayai mempunyai kaitan dengan tindakan boikot rakyat Malaysia terhadap jenama syarikat tersebut berikutan konflik di Asia Barat.

Mengulas lanjut, Barjoyai berkata, golongan Melayu berbelanja tanpa dipengaruhi sentimen perkauman berbanding kaum-kaum tertentu.

"Sebagai contoh, orang Cina tidak akan masuk kedai Melayu

untuk beli barang melainkan kedai makan itu terkenal, tetapi kalau beli barang mereka cari di kedai Cina juga.

"Namun, orang Melayu tidak kisah, dia masuk sahaja asalkan berdekatan dan selesa," katanya.

Sementara itu, pensyarah ekonomi, Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, orang Melayu mempunyai kuasa beli paling besar kerana mempunyai jumlah penduduk paling ramai di negara ini.

Malah, katanya, semua la-

pisan generasi tanpa mengira umur dalam kumpulan Melayu turut dilihat gemar berbelanja.

"Jika kita pergi ke pasar raya besar pun, kita boleh lihat lebih 90 peratus pengguna Melayu sedang berbelanja, sedangkan mana ada orang Melayu berniaga melainkan jenama asing atau kaum lain," katanya.

Oleh itu, katanya, masyarakat Melayu perlu sedar bahawa kuasa beli mereka pada tahap yang tinggi dan menyokong memajukan ekonomi bumiputera.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh:1...1...MAR...2024...

Malaysia di landasan tepat tuju negara maju

Oleh TENGKU DANISH BAHRI
TENGKU YUSOFF
utusannews@mediamula.com.my

KUALA NERUS: Malaysia berada di landasan tepat menuju status negara maju dan berpendapatan tinggi dalam tempoh 10 tahun, selari dengan aspirasi kerangka Ekonomi Madani.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali berkata, kedudukan Malaysia di mata dunia menjadi bukti keberkesanan kepemimpinan, dasar dan tindakan strategik yang menjurus kepada pencapaian sasaran itu.

Beliau berkata, Malaysia naik dari tangga 32 ke tangga 27 dalam 'World Competitiveness Ranking' manakala tangga ke-36 daripada 132 negara dalam Indeks Inovasi Global (GI) bagi tahun 2023.

Katanya, pencapaian berkenaan merupakan kerjasama semua pihak termasuk dari sektor awam dan swasta yang perlu diperkukuhkan pada masa akan datang agar matlamat negara boleh dicapai.

"Aspirasi kerangka Ekonomi Madani mahu Malaysia berada antara 30 negara kuasa besar ekonomi dunia serta 12 negara paling berdaya saing dalam tempoh 10 tahun dan kita di landasan tepat ke arah itu.

"Menerusi laporan GI untuk tahun 2023, Malaysia kekal di kedudukan ke-36 dengan

peningkatan skor keseluruhan iaitu 40.9 mata berbanding 38.7 mata pada tahun sebelumnya.

Mohd. Zuki berkata demikian ketika berucap sebelum merasmikan Majlis Perasmian Persidangan MyMudah 2024 Peringkat Negeri Terengganu di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, beliau memberitahu, tahap produktiviti pekerja juga meningkat daripada RM95,858 pada

2022 kepada RM96,692 untuk tahun ini manakala bilangan pekerja naik 2.5 peratus dari tahun ke tahun seramai 16.3 juta orang.

Menurutnya, peningkatan jumlah pekerja itu menggambarkan tahap kestabilan pasaran tenaga kerja, perkembangan baik aktiviti ekonomi serta trajektori positif peluang pekerjaan.

Sementara itu, tambahnya,

kerajaan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) memperuntukkan RM1.5 bilion untuk program menjana pendapatan kepada golongan sasaran.

Menurutnya, pengenalan Pengkalan Data Utama (PADU) antara usaha mempercepat usaha menoktahkan kemiskinan tegar dengan memastikan bantuan subsidi benar-benar sampai kepada sasaran.



MOHD. ZUKI ALI (dua dari kiri) melakukan gimik pada Majlis Perasmian Persidangan MyMudah Peringkat Negeri Terengganu di Kuala Nerus, semalam. - UTUSAN/TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 1 MAR 2024



RAHMAH Mingak Masak 5kg RM 30.90 RM 22.00 RM 20.00	RAHMAH Kicap Manis 630ml RM 5.30 RM 3.75 RM 3.00	RAHMAH Sandwich Bread Loaf 600g RM 4.20 RM 2.95 RM 2.80
RAHMAH Bawang Putih kg RM 11.75 RM 8.25 RM 7.00	RAHMAH Tepung Lili 850g RM 3.25 RM 2.30 RM 1.50	RAHMAH Ubi Kentang kg RM 4.10 RM 2.90 RM 2.00



Armizan ringing a bell to kick off the sales programme at the General Operations Force Sabah brigade headquarters in Kinarut yesterday. - BERNAMAPIC

Nationwide *Rahmah* sales for Ramadan

TSM 11/3

PAPAR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry will expand the implementation of the *Rahmah* Sales Programme during Ramadan at 450 locations nationwide.

Its minister Datuk Armizan Mohd Ali said this effort aims to

reduce the cost of living for the people and enable them to buy essentials at lower prices.

He said the Ramadan *Rahmah* Sales Programme provides daily necessities at a discount of between 10% and 30% compared with the

original retail prices.

"Besides sales of dry goods, the programme will also include the sale of other daily necessities such as chicken, beef, fish, assorted seafood, rice and chicken eggs.

"Items needed to make *kuih-*

muhi for Aidilfitri will also be sold. The Ramadan *Rahmah* Sales Programme will be launched in Putrajaya and will start immediately on the first day of Ramadan," he said at the opening of the programme in Kinarut yesterday. - Bernama

Tarikh: THE SUN 11 MAR 2024